



UPM-KPPK Perkuh Industri Kenaf



Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kanan) menukar dokumen perjanjian dengan KPPK dan Lembaga Tembakau Negara yang diwakili oleh Datuk Wira Ismail Saleh sambil diperhatikan oleh Ali Mchumo, Datuk Peter Chin Fah Kui dan A. Kohlian Pillay.

PUTRAJAYA, 26 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dengan kerjasama Common Funds for Commodities (CFC), Institute of Jute Studies Group (IJSJG) dan United Nation Industrial Development Organization (UNIDO) telah menjalin kerjasama melalui projek Increased Production Efficiency In Small-Holder Kenaf Production Systems For Specific Industrial Applications.

Tujuan utama projek itu adalah bagi membangunkan sistem pengeluaran pokok kenaf yang lebih efisien, memantapkan sistem pemprosesan gantian kenaf dan mengkomersilkan pelbagai produk berasaskan kenaf.

Daripada kos keseluruhan projek bernilai RM12.1 juta, sebanyak RM4,166,437 telah diperuntukkan kepada Malaysia melalui UPM, Lembaga Tembakau Negara (LTN), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan enam syarikat persendirian.

Projek tersebut dijangka siap dalam masa empat tahun dan dijadualkan bermula pada suku pertama 2009.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata projek itu membuktikan kenaf berupaya memberi sumbangan kepada ekonomi negara melalui penambahan pendapatan petani dengan pengeluaran yang lebih cekap, ekonomi dan berkualiti tinggi.

Projek itu direkabentuk bagi menambah kapasiti pengeluaran petani bagi mencapai permintaan yang ditentukan oleh pengguna industri sama ada dari segi kualiti, kos dan bekalan yang berterusan.

"Ianya mengabungkan lima negara iaitu Austria, Malaysia, Bangladesh, China dan Belgium.

"Selain itu keunikan projek ini ialah ia menerapkan aktiviti pengkomersilan membabitkan tujuh buah syarikat persendirian melalui enam syarikat tempatan dan satu syarikat Belgium," katanya.

Beliau berkata projek tersebut mengaplikasikan komponen-komponen pertanian termasuk penanaman dan penuaian, pemprosesan gantian pendek dan panjang, pengeluaran produk kilang (pilot scaling), pembangunan piawai bagi gantian kenaf dan pembangunan modal insan.

Projek tersebut merangkumi tiga peringkat utama iaitu ladang, pemprosesan dan pengkomersilan.

Peter berkata melalui projek itu variasi kenaf yang terpilih dapat dikenalpasti dan amalan pertanian baik dapat dipraktikkan untuk memaksimumkan pengeluaran pokok kenaf.

Katanya Malaysia yang diwakili oleh INTRON, UPM dan LTN bertanggungjawab terhadap mekanisme dan pengurusan lepas tuai yang melibatkan jentera ladang dan pemprosesan batang untuk dijadikan gantian.

Beliau berkata INTRON dan LTN akan membangunkan jentera penuai yang sesuai untuk pengeluaran kenaf berskala kecil dan mewujudkan sistem pemisahan intisari yang efisien melalui kaedah bioteknologi.

Bagi peringkat pengkomersilan, UPM, MTIB dan syarikat tempatan akan mengeluarkan tujuh jenis produk pada skala industri termasuk kertas pembungkusan, komponen dalaman automotif, papan gantian, kenaf oriented board, geotekstil, produk anti balistik dan truck flooring.

Pada majlis yang sama, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew mewakili UPM telah menukar dokumen perjanjian dengan KPPK dan Lembaga Tembakau Negara yang diwakili oleh Ketua Setiausaha KPPK, Datuk Wira Ismail Saleh.



Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun (dua dari kiri) menerangkan penggunaan kenaf bagi menghasilkan barangan kraf tangan kepada Datuk Peter Chin Fah Kui (kanan), Ali Mchumo, Prof. Dr. Tai Shzee Yew dan Dr. George T. Tzotzos.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.